

## The mediating role of participation on bonding, bridging and linking social capital and empowerment toward community development : a study among squatter settlements in Tehran, Iran

Deskripsi Lengkap: <https://lib.ui.ac.id/detail?id=20407248&lokasi=lokal>

---

### Abstrak

Salah satu daripada matlamat pembangunan komuniti terutamanya bagi golongan miskin seperti penduduk setinggan ialah pengukuhan jaringan sosial atau lebih dikenali sebagai modal sosial dalam masyarakat melalui modal sosial ikatan, perapatan dan perhubungan. Tuju kajian ini adalah untuk meneroka jaringan modal sosial dengan mengkaji peranan penglibatan sebagai pengantara dalam hubungan antara ikatan, perapatan dan perhubungan dalam kalangan penduduk setinggan di Tehran, Iran. Sampel kajian terdiri daripada 328 penduduk miskin dalam dua komuniti penempatan setinggan di Tehran yang telah dipilih secara rawak. Satu set soal selidik telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data dan teknik persampelan rawak berstrata telah digunakan. Model yang dibentuk menunjukkan bahawa penyertaan tidak sepenuhnya berfungsi sebagai pengantara hubungan antara modal sosial ikatan, perapatan dan pemerkasaan. Walau bagaimanapun, modal sosial dilihat sebagai sesuatu yang baik dalam memperkasakan komuniti dan menggalakkan penglibatan mereka untuk pembangunan masyarakat, kerana ia boleh membina hubungan yang kuat bagi kemakmuran ekonomi, tadbir urus yang stabil dan perpaduan sosial. Bagi pekerja komuniti, modal sosial perapatan dapat dilihat sebagai penting untuk menguruskan kepelbagaian dan mengekalkan perpaduan masyarakat, manakala modal sosial perhubungan dilihat sebagai aspek yang penting untuk pemerkasaan dan jaringan perkongsian. Bagi pembuat dasar, kelemahan dalam modal sosial perhubungan merupakan sesuatu yang boleh diberi perhatian. Modal sosial dalam komuniti penempatan setinggan boleh diperkuuhkan melalui pelbagai sumber dan kaedah komunikasi di peringkat tempatan dan kerajaan, seperti mengambil bahagian dalam pilihan raya tempatan dan organisasi kejiranan seperti Shora.